

No. Sebut Harga : 03/2025

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit Sebut Harga	Lokasi Aset Untuk Dilihat	Tarikh & Masa
1.	MOTOSIKAL 2 RODA, MODENAS, KRISS MA120F-A1MY (WQV7484)	1	500.00	25.00	Tempat Meletak Kenderaan Parkir Basement Setia Perkasa 2, Kementerian Dalam Negeri, Kompleks Setia Perkasa, W.P. Putrajaya	<u>Taklimat</u> Bilik Mesyuarat Seroja, Aras 6, Setia Perkasa 2, Kompleks Setia Perkasa, KDN 26 November 2025 (Rabu) 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari Pegawai : Puan Thasya Ayu binti Abdul Majid 03-88863136
2.	MOTOSIKAL 2 RODA, MODENAS, KRISS MA120F-A1MY (WQV7702)	1	500.00	25.00		

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada seperti **tarikh**, **masa** dan **tempat** seperti yang tertera di atas.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **03/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **No. 5** harga di alamat:-

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAHAGIAN PEROLEHAN
ARAS 4, SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **03 Disember 2025** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat:

DATUK NOR MUHAMAD BIN CHE DAN @ CHE DIN

Tarikh: Setiausaha Bahagian Perolehan
Kementerian Dalam Negeri

Cap:

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk draf bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga **tidak** akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga **tidak** akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **7 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat **tidak** akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.